

14 MAY 2002

Sukan-Skuasy

JAWATAN PENGARAH KEJURULATIHAN SRAM TIDAK DIISI HINGGA Hujung TAHUN

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Kekosongan jawatan Pengarah Kejurulatihan Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) yang ditinggalkan oleh Mej (B) S.Maniam, tidak akan diisi untuk tempoh sekurang-kurangnya sehingga penghujung tahun ini.

Pemangku Presiden SRAM Datuk Mokhzani Mahathir berkata sebaliknya beberapa jawatan baru akan diwujudkan bagi menyelaraskan kerja berkaitan kejurulatihan berikutan peletakan jawatan Mej. Maniam baru-baru ini.

"Terdapat beberapa perubahan dalam SRAM berikutan peletakan jawatan Mej Maniam. Kita bersetuju untuk mewujudkan beberapa jawatan baru untuk mengatasi jurang (kekosongan jawatan pengarah kejurulatihan) itu," katanya ketika mengumumkan barisan baru Kejurulatihan SRAM di sini hari ini.

Mej. Maniam, yang juga ketua jurulatih kebangsaan, meletakkan jawatan sebagai pengarah kejurulatihan SRAM untuk mengambil alih jawatan Pengarah Kejurulatihan Persekutuan Skuasy Asia (ASF) dan sebagai perunding kepada Persekutuan Skuasy India.

Mej. Maniam telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia selama 20 tahun dan 15 tahun dengan SRAM.

Mokhzani berkata jawatankuasa pengurusan badan induk itu bersetuju untuk melantik Raymond Arnold sebagai ketua jurulatih, Azan Yaakob selaku Pengerusi Jawatankuasa Kejurulatihan dan Peter Chee sebagai Pengarah Pembangunan SRAM.

"Kerja berkaitan aspek kejurulatihan akan dikendalikan bersama oleh ketiga-tiga mereka (yang dilantik) ini, dan mereka juga merupakan anggota dalam jawatankuasa pengurusan. Mereka akan melaporkan terus kepada jawatankuasa pengurusan.

"Kita beri tempoh percubaan antara enam dengan 12 bulan sebelum kita buat keputusan untuk jawatan Pengarah Kejurulatihan SRAM. Dalam masa yang sama, saya juga akan mengkaji peranan semua anggota daripada yang tertinggi sehingga ke peringkat bawah," katanya.

Mokhzani turut mengucapkan penghargaan kepada Mej Maniam kerana sumbangannya selama ini dan menekankan aspek kejurulatihan terus menjadi agenda penting badan induk itu pada masa hadapan.

Mej Maniam berkata "15 tahun dengan SRAM adalah tempoh yang berjaya dan menarik bagi saya. Walaupun saya berhijrah ke ASF hati saya masih dengan SRAM."

Sementara itu, Mokhzani berkata persatuan itu akan memastikan pembangunan sukan skuasy akan berkembang ke seluruh negeri dan tidak tertumpu kepada Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

"Kita bercadang untuk mewujudkan pusat skuasy di Pahang. Kita akan mengadakan mesyuarat pengurusan pada minggu pertama awal bulan depan untuk mengenal pasti individu yang akan ke Pahang.

"Kami mahu seseorang untuk memulakannya dari peringkat paling awal. Pusat di Pahang menjadi keutamaan kami sekarang," katanya.

-- BERNAMA

ERE DC NMO